



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM KERJAYA UP TANGANI PENGANGGURAN GOLONGAN B40 BANDAR

KUALA LUMPUR – Kementerian Sumber Manusia, menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), akan menganjurkan **Program Kerjaya UP** (*Urban Poor*) dalam usaha mengurangi kadar pengangguran dalam kalangan golongan rentan bandar.

Program Kerjaya UP merangkumi temu duga kerja untuk individu mudah terjejas di kawasan bandar bagi memudahkan golongan sasaran ini mempunyai mata pencarian.

Acara kemuncak **Program Kerjaya UP** akan diadakan di **Pusat Komuniti Setiawangsa, Kuala Lumpur pada 12 April 2021** di mana sesi temu duga oleh majikan dari pelbagai industri akan dijalankan dengan **10,305 kekosongan jawatan** ditawarkan.

Program Kerjaya UP ini adalah tindakan susulan daripada sesi profiling program “**Jom Kerja**” PERKESO yang telah dijalankan di beberapa lokasi Perumahan Awam (PA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) pada Mac 2021.

Program “Jom Kerja” PERKESO telah mengenal pasti golongan mudah terjejas, termasuk golongan B40 ini yang terkesan teruk dari segi sosial dan ekonomi akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak lebih setahun lalu.

Program “Jom Kerja” telah mengenal pasti keperluan golongan mudah terjejas di bandar, terutamanya berkaitan pekerjaan, termasuk jenis pekerjaan yang diperlukan dan padanan pekerjaan yang bersesuaian.

Susulan daripada sesi profiling ini, PERKESO telah mendapatkan kerjasama dari Kementerian dan Agensi berkaitan untuk menawarkan pelbagai perkhidmatan khususnya bagi memenuhi keperluan golongan ini.

Program Kerjaya UP antara lain akan menyediakan perkhidmatan **kaunseling kerjaya, klinik penghasilan resume dan temu duga, kaunter sesi pendaftaran perniagaan (SSM)** serta **khidmat nasihat keusahawanan & kewangan, latihan kerjaya** serta **pendaftaran e-Kasih**.

Pengangkutan percuma turut disediakan di lokasi terpilih untuk pencari kerja yang memerlukan bantuan pengangkutan. (peta laluan bas di lampiran 1)

Seiring dengan aktiviti turun padang yang dilaksanakan PERKESO bagi membantu memudahkan golongan mudah terjejas dari kawasan PA dan PPR mendapatkan pekerjaan, PERKESO turut **menyediakan insentif bagi menggalakkan majikan** mengambil pekerja daripada golongan ini menerusi Program PenjanaKerjaya.

Insentif khas PenjanaKerjaya sehingga RM6,000 sebulan disediakan bagi majikan yang mengambil pekerja dari kategori mudah terjejas dan hingga RM4,000 sebulan untuk majikan yang mengambil pekerja tempatan bagi menggantikan pekerja asing di bawah kategori Malaysianisation.

Di bawah kategori Malaysianisation, pekerja tempatan yang bekerja dalam sektor yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada pekerja asing adalah layak untuk menerima bayaran secara langsung dari RM500 hingga RM2,000 sebulan untuk tempoh 6 bulan maksimum bagi setiap pekerja.

PERKESO berharap pencari kerja dari golongan B40 bandar akan menggunakan peluang ini untuk mendapatkan pekerjaan demi kelestarian hidup masing-masing. Pada masa yang sama, **PERKESO** juga sedang **mengadakan program Penjana Kerjaya UP di negeri-negeri terpilih di luar Lembah Kelang.**

Pencari kerja yang berminat boleh mendaftar di <https://careerfair.perkeso.gov.my/>. Maklumat lanjut berkenaan program ini boleh diperolehi menerusi laman sosial rasmi @EISPERKESO di Instagram, Facebook dan Twitter atau layari www.perkeso.gov.my.

DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED
KETUA EKSEKUTIF
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
9 APRIL 2021